

12 MAY 2001

MAHATHIR-RINGGIT LEAD

RINGGIT TIDAK AKAN DITAMBAT SEMULA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini walaupun terdapat usaha spekulator matawang cuba membuat khabar angin mengenai nilai ringgit yang akan diturunkan, Malaysia tetap tidak berhasrat untuk menukar nilai ringgit yang kini ditambat pada 3.8.

Beliau berkata demikian apabila ditanya sama ada spekulator matawang sedang beroperasi sekarang.

"Kita tahu ianya sedang berlaku (spekulasi) tetapi kita tidak tahu siapa kali ini," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas Perhimpunan Hari Pekerja 2001, di sini.

Beliau berkata spekulator ini mungkin juga orang tempatan dan orang asing.

"Mereka menunggu kononnya ringgit kita nak diturunkan nilainya walaupun saya kata tidak, menteri kewangan pun kata tidak," katanya.

Malaysia telah menambat ringgit pada 3.8 bagi satu dolar Amerika pada September 1998 sebagai sebahagian daripada langkah kawalan modal berpilih untuk menangkis serangan spekulator matawang.

Beliau berkata negara tidak akan tunduk kepada tekanan spekulator ini untuk menambat semula ringgit kita kerana barangan Malaysia masih lagi kompetitif.

Dr Mahathir berkata daya saing barangan Malaysia bukan semata-mata bergantung kepada nilai ringgit tetapi juga pada produktiviti yang tinggi, kestabilan politik dan juga tindakan pekerja.

Ketika berucap di majlis itu Perdana Menteri berkata terdapat pihak yang cuba memanipulasikan pasaran wang dengan harapan ringgit kita akan turun nilai dengan tujuan untuk membuat keuntungan.

Menurutnya, mereka ini akan membeli dolar Amerika pada RM3.80 dengan harapan harga ringgit Malaysia akan turun kepada RM4.20.

"Ini adalah satu usaha untuk meraih keuntungan. Ia adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab yang boleh merosakkan ekonomi negara," katanya.

Dr Mahathir juga berkata indeks kos barangan di Malaysia tidak naik melambung seperti di setengah-setengah negara lain.

Beliau berkata indeks kos barangan di Malaysia adalah kurang daripada tiga peratus berbanding di sesetengah negara lain di mana indeks kenaikan harga ialah 1000 peratus.

"Saya rasa ada di negara-negara lain, mereka (rakyat) terpaksa menggunakan gaji mereka serta merta pada hari mereka terima gaji untuk ke pasaraya bagi membeli barang kerana mungkin pada minggu depannya harga barang akan naik.

"Di Malaysia, kita tahu hujung bulan harga barang tidak akan banyak bezanya. Jadi kita tidak perlu membeli barang dengan serta-merta," katanya.

Dr Mahathir juga berkata rakyat Malaysia mempunyai kuasa membeli tiga kali ganda berbanding sesetengah negara lain.--BERNAMA

LES ZK